



Wanita Pertama Turkiye lawat Taman Botani

Wanita Pertama Turkiye, Emine Erdogan (tengah) diiringi isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Menteri Wilayah Persekutuan, Dr Zaliha Mustafa (dua dari kanan) dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif (dua dari kiri) melawat Taman Botani, Putrajaya, semalam sempena lawatan rasmi dua hari Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan ke Malaysia bermula kelmarin. (Foto BERNAMA)

ASEAN, Turkiye sepakat bangunkan semula Gaza

Putrajaya: ASEAN dan Turkiye sepakat untuk bekerjasama dalam isu kemanusiaan dan pembangunan semula Gaza sebagai usaha membantu meringankan penderitaan yang ditanggung penduduk Palestin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Malaysia yang menerajui ASEAN tahun ini komited dalam proses pembinaan semula Gaza dan memastikan sokongan yang diberikan adalah mencukupi.

“Menteri Luar (Datuk Seri Mohamad Hasan) bulan lalu mengadakan perbincangan dengan semua menteri luar (ASEAN) di mana mereka mengulangi pendirian itu (membangunkan semula Gaza).

“Kita akan meneruskan usaha ini supaya kita dapat memberikan sokongan mencukupi termasuk inisiatif Jepun yang mana Malaysia menjadi Pengerusi Bersama bagi pembinaan semula Gaza dengan segera,” katanya pada sidang media bersama Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan

di sini, semalam.

Beliau ditanya bagaimana Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN melihat peranan Turkiye menyumbang kerjasama dalam pembinaan semula Gaza.

Malaysia sebelum ini menyatakan komitmen terhadap inisiatif Jepun menganjurkan persidangan mengenai kerjasama antara Asia Timur untuk Pembangunan Palestin (CEAPAD) pada Julai ini, khususnya berkaitan pembangunan semula Gaza.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, perkara berkaitan Gaza dan Palestin turut membabitkan isu politik, pengusiran, tanah, harta benda dan kediaman dirampas yang perlu diselesaikan.

“Anda lihat apa yang dipanggil sebagai gencatan senjata ini, tetapi kemudian anda boleh terus melihat kekerasan dan pencerobohan Israel.

“Seperti saya katakan, ini adalah penjajahan, berapa banyak rundingan yang boleh dilakukan apabila penjajah belum berundur? Itu satu prinsip,” katanya.

Sementara itu, Erdogan yang menyatakan sokongan terhadap pembangunan semula Gaza menjelaskan, Malaysia dan Turkiye mempunyai pendirian sama dalam memberikan pelbagai bentuk sokongan, termasuk kewangan.

Katanya, ia penting untuk menyediakan infrastruktur dan kemudahan asas yang diperlukan untuk memulihkan semula kehidupan penduduk Palestin.

“Saya percaya kedua-dua negara mempunyai pendirian yang sama dalam hal sokongan kewangan dan bahawa kita dapat memberikan segala bentuk bantuan kewangan yang diperlukan. Kita sudah membincangkan perkara ini selama bertahun-tahun.

“Bukan sahaja di Palestin, tetapi di Syria, infrastruktur dan kemudahan asas musnah sepenuhnya. Keadaan di sana amat teruk dan memerlukan pemulihan segera dan dalam langkah yang akan kita ambil, kita perlu menilai apa yang boleh dilakukan dalam aspek pembangunan semula infrastruktur,” katanya.